

Inovasi pemudah cara jana pendapatan

MOHAMAD BAKRI DARUS

INOVASI, pengenalan idea baru dalam semua aspek kerja untuk menghasilkan perkhidmatan berkualiti atau produk yang boleh dikomersilkan.

Idea baru ke arah perubahan itu boleh dilakukan melalui pengenalan teknologi baru, perubahan prosedur yang boleh menjimatkan tenaga, masa dan kos.

Inovasi yang ada kaitan dengan ciptaan, kreativiti dan imaginasi, bukan hanya sesuai untuk kumpulan intelektual yang berpengetahuan tinggi, tetapi juga oleh seluruh lapisan masyarakat yang ingin maju.

Ketua Pegawai Eksekutif Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan Kreativiti, Inovasi dan Pengkomersilan (R&DCIC) Melaka, Prof. Madya Datuk Abu Bakar Mohamad Diah berkata inovasi lebih kepada satu kaedah baru yang memudahkan cara hidup dan produk yang dihasilkan boleh dikomersilkan bagi menjana pendapatan.

Contohnya, beliau berkata "Tengok orang perempuan makan jagung, dia pakai lipstick (gincu) dan nak makan setongkol jagung kan susah tetapi sekarang sudah ada jagung dalam cawan. Jagung dalam cawan adalah contoh paling baik inovasi dalam bidang pertanian.

"Sekarang satu cawan jagung sudah (harga) RM2.50 hingga RM3, sedangkan setongkol jagung baru 70 sen atau 80 sen dan kalau sudah siap direbus baru RM1.50 setongkol, sedangkan jagung dalam cawan yang kandungannya tidak sampai pun setongkol jagung boleh dijual RM2.50 hingga RM3," katanya.

Abu Bakar, bekas Timbalan Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berkata idea yang kadangkala kecil dan dipandang ringan tetapi melalui

inovasi yang betul menjadikannya hebat dan berkesan.

R&DCIC di bawah Jabatan Ketua Menteri Melaka ditubuhkan pada 4 Jan, 2010, menunjukkan seriusnya kerajaan negeri Melaka dalam menerapkan dan mengembangkan budaya berinovasi dalam kalangan rakyatnya.

Penubuhannya juga selaras dengan langkah kerajaan menubuhkan tahun 2010 sebagai Tahun Inovasi Negara yang menyaksikan di peringkat nasional pelbagai dasar, strategi dan inisiatif baru diperkenalkan, termasuk penubuhan Pusat Inovasi Negara.

Abu Bakar berkata dengan matlamat menjadikan inovasi ekonomi baru negeri, Abu Bakar berkata R&DCIC akan dipacu sebagai pusat penyelidikan, pembangunan, pengkomersilan dan penginovasian bertaraf antarabangsa.

"Ia akan menjadi nadi pertumbuhan sektor berteknologi tinggi yang menjana ekonomi negeri Melaka," tambahnya yang lebih penting ianya berperanan untuk mengkomersilkan produk inovasi yang dihasilkan oleh anak kelahiran Melaka yang kreatif.

Beliau berkata program anjuran jabatan itu melibatkan segenap lapisan masyarakat termasuk pelajar sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi, golongan belia dan usahawan kecil dan sederhana (IKS).

"Program Bijak Sifir Alif, yang dipelajari dengan kaedah nyanyian dan amat digemari kanak-kanak, adalah antara contoh produk inovasi yang sedang dipopularkan kepada pelajar sekolah," katanya.

Beliau berkata golongan belia pula lebih berminat dengan produk inovasi yang berorientasikan perniagaan dan penggunaan teknologi yang tidak terlalu tinggi.

"Kalau melibatkan penggunaan teknologi tinggi, mereka sukar untuk melibatkan diri kerana tidak mempunyai modal yang banyak," katanya.

Beliau berkata pihaknya mengatur pelbagai program untuk menyebarkan budaya inovasi kepada masyarakat termasuk melalui penganjuran pertandingan inovasi seperti pertandingan mencipta cenderahati daripada bahan kitar semula.

"Bagi ciptaan cenderahati yang terbaik, kita menggalakkan usahawan mengambilnya untuk dikomersilkan sebagai cenderahati negeri Melaka; ini secara tidak langsung boleh meningkatkan pendapatan kepada pengusaha," katanya.

Abu Bakar berkata program Jejak Inovasi 2011 (Innovation Walk) akan berlangsung di negeri ini selama tiga hari bermula Jumaat ini, bagi menjejak dan menonjolkan pelbagai idea, kreativiti dan inovasi masyarakat di Melaka.

Program itu juga bagi merangsang semangat masyarakat akan kepentingan budaya inovasi dalam kehidupan harian, dan memberi pengiktirafan terhadap sumbangan kreativiti dan inovasi yang dihasilkan.

Jejak Inovasi, adalah program anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama Kerajaan Melaka dan Yayasan Inovasi Malaysia.

Abu Bakar berkata sebanyak 14 produk inovasi yang terdapat di daerah Melaka Tengah, Jasin dan Alor Gajah sudah dikenalpasti untuk dilawati oleh 40 orang saintis dari MOSTI sempena program itu.

Beliau berkata maklumat inovasi akar umbi yang dapat dikumpulkan akan dinilai bagi menentukan produk yang boleh untuk dikomersilkan. — Bernama